

Usah tanding jika tiada sokongan

B.H. 23 APR 1993

Oleh Izman Ismail

GENTING HIGHLANDS, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan pemimpin Umno yang gagal mendapat sokongan ahli supaya tidak bertanding dalam pemilihan pucuk pimpinan Umno, November ini.

Menurutnya, langkah itu boleh mengurangkan politik dalam parti selain mengelak perpecahan seperti berlaku pada 1987 walaupun Umno mengamalkan demokrasi.

Sehubungan dengan itu, beliau meminta mana-mana pemimpin yang tidak mendapat sokongan supaya menarik diri awal-awal bagi membolehkan pihak yang mendapat sokongan bertanding.

"Kalau dah nampak tidak ada sokongan buat apa bertanding, lebih baik dia menarik diri awal-awal lagi.

"Sepatutnya, kita perlu timbang sama ada pertandingan itu boleh membawa kemenangan atau memberi kesan sampingan yang tidak baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Etika Perniagaan di sini, hari ini.

Mengulas laporan mengenai beberapa pemimpin Umno yang sudah mena-

warkan diri untuk bertanding, Presiden Umno itu berkata, beliau yakin kebanyakan calon hanya ghairah pada peringkat awal tetapi mungkin ada yang menarik diri apabila pertandingan semakin dekat.

"Selalunya begitulah. Pada waktu awal, memang ramai yang mencalonkan diri tetapi bila dekat barangkali ada yang akan tarik diri, mungkin kerana kurang sokongan," katanya.

Ditanya mengenai beberapa Menteri Besar yang sudah menyatakan kesediaan bertanding merebut jawatan Naib Presiden, Dr Mahathir berkata tindakan itu terpulang kepada diri masing-masing.

"Kita amalkan demokrasi dan ia menjadi hak mereka sama ada untuk bertanding atau tidak. Selain itu mereka perlu timbang sama ada ia boleh membawa kemenangan atau memberi kesan sampingan," katanya.

Mengenai kenyataan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang tidak berhasrat merebut jawatan Timbalan Presiden parti daripada Ghafar Baba, beliau berkata terpulang kepada Anwar membuat keputusan.

Dr Mahathir bagaimanapun bersejatu bahuwa pendirian itu bertujuan mengukuhkan kedudukan parti dan perpaduan Umno.

"Saya berpendapat kalau kita bersatu padu mengikut susunan yang sedia ada, ia akan mengurangkan kemungkinan berlaku perpecahan.

"Lagipun kita tahu sebab Umno berpecah dan diharamkan pada 1987 iaitu kerana perebutan jawatan Presiden. Bila nak rebut jawatan itu bermacam perkara boleh berlaku, termasuk beli

Terpulang kepada Anwar: PM

DARI MUKA 1

bang," katanya.

Ditanya sama ada Anwar perlu menghormati keputusan bahagian jika ada yang mencalonkannya, Dr Mahathir berkata itu terpulang kepada pendirian Anwar kerana menjadi hak seseorang untuk menerima atau tidak pencalonan.

"Saya dulu pun dapat pencalonan banyak juga tapi menang dengan undi yang sedikit saja," katanya.

Mengulas tindakan parti Semangat 46 (S46) menghantar memorandum empat halaman meminta pemimpin Umno memberhentikan perbuatan mencaci raja, Dr Mahathir berkata sebenarnya ia bukan menghinakan raja, sebaliknya menerangkan kepada rakyat keperluan pindaan Perlembagaan bagi menghapuskan kekebalan raja dari segi undang-undang.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan perlu berbuat demikian supaya rakyat tahu tujuan sebenar pindaan itu dan mem-

beri sokongan padu kepada Ahli Parlimen yang sudah meluluskannya.

"Kita berbuat demikian supaya rakyat faham betapa seriusnya keperluan meminda undang-undang dan sokong pindaan itu. Jadi kalau rakyat tak sokong kita mungkin tidak boleh membuat undang-undang.

"Kita berpendapat S46 sebenarnya tidak jujur kerana mereka bersetuju supaya semua orang menikmati keadilan di sisi undang-undang tetapi pada masa yang sama menolak pindaan Perlembagaan," katanya.

Mengenai dakwaan kerajaan mempertikaikan kesahihan takhta Sultan Kelantan dalam memorandum itu, Perdana Menteri berkata kerajaan berbuat demikian kerana mereka mempersoalkan keputusan Parlimen.

"Kita tidak akan soal jika inereka tidak mem-Dersoalkan Parlimen. brang kata jangan baling batu kalau duduk dalam rumah kaca," katanya.

LIHAT MUKA 2